

Dua kumpulan penjenayah pecah rumah, kilang tumpas

B/HARIAN

6/3/19

MS 19

Melaka: Dua kumpulan penjenayah pecah rumah dan pecah kilang ditumpaskan polis daerah Melaka Tengah selepas penahanan ketua dan ahli kumpulan terbabit dalam operasi sejak pertengahan bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad, berkata tangkapan ke atas enam ahli 'Geng Arab Batu Hampar' dan tiga ahli 'Geng Sugu Batu Berendam' itu masing-masing menyelesaikan tujuh kes bagi jenayah pecah rumah dan dua jenayah pecah kilang.

Beliau berkata, menerusi penubuhan Pasukan Khas 'Strike Team for House Breaking and Theft' (HBT), di bawah bimbingan siasatan jenayah daerah itu berjaya menyelesaikan kes terbabit selepas dua bulan risikan dan siasatan dijalankan.

"Kita menahan enam Geng Arab Batu Hampar termasuk ketua kumpulan dikenali sebagai Arab berusia 26 tahun. Ketua kumpulan terbabit yang pertama ditahan pada 15 Februari lalu, kira-kira jam 11 malam disusuli beberapa siri tangkapan ke atas lima lagi anggota kumpulan berusia 26 hingga 36 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, di sini, semalam.

Katanya, tujuh kes pecah rumah dilakukan kumpulan Geng Arab Batu Hampar itu membabitkan kejadian sejak awal 2018 hingga awal tahun ini, de-

ngan menyasarkan kediaman tidak berpenghuni di bandar Melaka, Bukit Baru, Bandar Hilir dan Batu Berendam.

Tambahnya, siasatan awal mendapati ketua geng terbabit mempunyai enam rekod lampau berkaitan jenayah pecah rumah dan curi motosikal manakala enam lagi rekod membabitkan kesalahan dadah.

Lima positif dadah

"Daripada enam suspek, lima positif Methamphetamine manakala seorang lagi negatif. Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 457, 379A dan 411 Kanun Keseksaan," katanya.

Antara barang rampasan daripada kumpulan terbabit ialah tiga motosikal; sebuah kereta PERODUA Kancil; televisyen (tiga); komputer riba (enam), jam tangan (tujuh), beg tangan (dua), iPad (dua), sebuah peti besi dan dua monitor komputer yang dianggarkan bernilai RM80,000.

Dalam pada itu, Afzanizar berkata, tiga ahli termasuk ketua Geng Sugu Batu Berendam yang giat melakukan pecah masuk kilang dalam daerah ini turut ditahan pada 19 dan 22 Februari lalu, sekali gus menyelesaikan dua kes pecah kilang sejak awal tahun ini.

Katanya, ketua kumpulan terbabit dikenali sebagai Sugu berusia 39 tahun bersama-sama dua lagi anggota kumpulan masing-masing berusia 42 dan 46 tahun itu ditahan di Batu Berendam dan Durian Tunggal dan dipercayai menyasarkan kilang baharu dan kilang yang dalam proses ubah suai, untuk mencuri kabel.

"Polis merampas sebuah kereta PERODUA Kembara dan motosikal Yamaha RXZ dianggarkan bernilai RM15,000, selain ketiga-tiga suspek positif dadah dan kesemuanya disiasat mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan," katanya.

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



Afzanizar (tengah) pada sidang media tangkapan dua kumpulan pecah rumah dan pecah kilang di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah, semalam.